



**SKIMXIV**  
1985-2015

**PROSIDING**

*Simposium Kebudayaan dan Kerjasama*  
**INDONESIA - MALAYSIA 2015**

*Universiti untuk Komuniti ASEAN:  
Kemakmuran, Keharmonian dan Kelestarian Berteraskan Ilmu*

**25 - 27 November 2015**

**The Everly Hotel, Putrajaya**

Anjuran Bersama:



Tajaan Bersama:



# Penambahan Konsonan Nasal Pada Akhir Kata Dalam Dialek Melayu Patani

Pareeda Hayeeteh

Zulkifley Hamid

Kartini Wado

Suhaila Binsama-ae

Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bangi, Selangor, MALAYSIA  
datang28@yahoo.com

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menghuraikan persoalan penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata dalam dialek Melayu Patani. Gejala fonologi dalam kajian ini dianalisis dengan menerapkan teori fonologi, iaitu Teori Autosegmental Model KV. Data kajian diperolehi daripada penutur dialek Melayu Patani dari Kampung Nasa, Daerah Mayo, Wilayah Pattani, Thailand. Dapatan kajian mendapati bahawa penambahan /ŋ/ di akhir kata seperti /bini/ → /biniŋ/ terjadi akibat daripada keperluan mengisi templat K yang kosong pada suku kata akhir yang disesuaikan dengan vokal tinggi yang telah menerima fitur nasal daripada nasal sebelumnya. Melalui dapatan kajian ini, persoalan penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata telah dapat diuraikan dengan berpada menggunakan Teori Autosegmental Model KV.

**Kata Kunci:** Dialek Melayu Patani, konsonan nasal, Model KV, penambahan nasal, Teori Autosegmental.

## ABSTRACT

*This study was aimed to analyze the phonological issues of addition of consonant in Patani Malay dialect. The phonological issues discussed were analyzed using the CV Model of the Autosegmental Theory. Based on data collected from speakers of Patani Malay dialect of the Nasa village, Mayo District of Pattani, the study showed that the addition of /ŋ/, for example /bini/ → /biniŋ/ in the word final position for word ending in high vowel preceded by nasal was the result of nasalized feature of the vowel spreading to the C tier posited at the end of the word. Data from this study showed that the issues of the addition of nasal consonants have been fully explained using the CV Model of the Autosegmental Theory.*

**Key Words:** *Autosegmental Theory, CV model, nasal addition, nasal consonant, Patani Malay dialect.*

## PENGENALAN

Mengikut Mangantar Simanjuntak (1995: 19) bahasa merupakan sistem yang hidup yang selalu mengalami proses perubahan, sama ada perubahan sintaksis, morfologi,

fonologi dan semantik. Proses-proses perubahan ini adalah sangat penting yang patut dikaji. Pengkajian tentang proses ini merupakan sebahagian dari pengkajian dialek. Salah satu dialek yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang terdapat banyak perbezaan daripada bahasa Melayu standard ialah Dialek Melayu Patani (DMP). Dialek ini mula berkembang dalam masyarakat Patani pada tahun 775 Masihi, yang dibawa bersama dengan kemajuan Seriwijaya (Ahmad Fathi Al-Fatani, 1994). Salah satu perbezaan yang akan dibincangkan dalam makalah ini ialah perubahan pada posisi akhir kata pada perkataan tertentu, iaitu berlaku proses penambahan konsonan nasal.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Penambahan adalah proses fonologi yang terdapat dalam DMP dan telah pun dibincangkan oleh Maneerat Chotikakamthorn (1981). Maneerat (1981) telah membandingkan sistem fonologi dialek Melayu Satun dengan DMP, dan telah membicarakan tentang gejala penghilangan dan penambahan yang berlaku dalam DMP. Maneerat (1981) mengemukakan beberapa contoh perkataan yang mengalami penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata. Beliau mengemukakan beberapa contoh seperti dalam data di bawah:

<u>Bahasa Melayu Baku</u>	<u>Dialek Melayu Patani</u>	<u>Makna</u>
/bərani/	/wanĩŋ/	berani
/bini/	/binĩŋ/	isteri
/ini/	/nĩŋ/	ini
/ilmu/	/ilmũŋ/	ilmu
/mi/	/mĩŋ/	mee


Walaupun terdapat kajian tentang penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata, namun kajian beliau ini tidak menjelaskan motivasi linguistik yang menyebabkan berlakunya gejala ini. Kajian ini hanya mengemukakan contoh-contoh perkataan yang memperlihatkan wujudnya gejala fonologi tersebut tanpa menjelaskan motivasi atau sebab musabab kenapa bunyi tersebut ditambahkan. Dengan kata lain, gejala penambahan konsonan nasal di akhir kata setakat ini tidak dianalisis dengan berpada, iaitu analisis mereka tidak mencapai tahap kepada yang memuaskan kerana mereka tidak menganalisis gejala tersebut secara sistematik, malah lebih merupakan pernyataan atau deskripsi sahaja.

Berdasarkan hakikat ini, kajian ini berusaha untuk menjelaskan gejala fonologi tersebut dengan lebih berpada. Untuk itu teori fonologi autosegmental (TA) model KV akan diterapkan dalam menganalisis gejala fonologi ini kerana diandaikan teori ini mampu menjelaskan gejala fonologi ini dengan lebih berpada, iaitu mampu memperlihatkan justifikasi linguistik tentang kejadian atau gejala ini. Kajian ini cuba menyelesaikan persoalan fonologi ini, iaitu menghuraikan penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata.

## KAJIAN KEPUSTAKAAN


Terdapat beberapa gejala fonologi dalam bahasa Melayu yang telah dikaji menggunakan pendekatan TA, antaranya ialah gejala epentesis schwa, bahasa rahsia dan pemanjangan konsonan. Zaharani (1994) berjaya menganalisis isu epentesis schwa dalam bahasa Melayu yang sebelum ini tidak dapat dianalisis dengan memuaskan. Beliau menggunakan TA model KV dalam menyelesaikan beberapa masalah yang didapati dalam isu tersebut. Zaharani (1994) menyelesaikan gejala epentesis schwa dengan menggunakan analisis non-linear teori fonologi suku kata. Dalam fonologi ini, representasinya terdiri daripada tiga tingkat, iaitu tingkat segmen, tingkat KV dan tingkat suku kata. Beliau menganggap template bagi kata dasar yang bersuku kata satu adalah KVK, iaitu sama gatranya dengan bilangan fonem yang terdapat pada tingkat segmen. Seperti pada kata 'pam', representasi fonologi adalah seperti berikut:

### 1. Tingkat Suku kata




Apabila awalan nasal mən- digabungkan dengan kata dasar tersebut, maka representasi seterusnya adalah seperti dalam 2.

### 2. Tingkat Suku kata




Dalam kosa ilmu fonologi non-linear, segmen nasal ini lazim juga direpresentasikan sebagai [+ nasal] sahaja. Nasal tersebut memperoleh rumus asimilasi (lihat 3), iaitu satu proses penyebaran autosegmental (daerah artikulasi) daripada bunyi obstruen seperti berikut:



Dalam bahasa Melayu, segmen nasal ini tidak dapat berasimilasi dengan konsonan sonoran. Apabila asimilasi tidak berlaku, maka dengan sendirinya nasal tersebut tidak dapat direalisasikan. Oleh hal yang demikian, nasal ini pun digugurkan melalui rumus pengguguran nasal. Untuk menunjukkan bagaimana analisis non-linear fonologi suku kata menjelaskan proses epentesis bahasa Melayu, sila lihat proses derivasi 4:


4. (a) Representasi dalaman

Tingkat Suku kata




(b) Rumus default

Tingkat Suku kata



## (c) Rumus epentesis

Tingkat Suku kata



Tingkat Skeletal / KV




Tingkat Melodi / fonem



## (d) Rumus default


Tingkat Suku kata



Tingkat Skeletal / KV




Tingkat Melodi / fonem



## (e) Representasi fonetik


Tingkat Suku kata



Tingkat Skeletal / KV



Tingkat Melodi / fonem



Dalam derivasi 4, didapati segmen nasal N tidak berasimilasi dengan konsonan obstruen berikutnya, walaupun lingkungan yang diduduki oleh kedua-duanya menepati deskripsi struktural rumus asimilasi (lihat rumus 3). Hal ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang aneh dan pelik bagi rumus yang dikelaskan sebagai rumus leksikal. Kekecualian merupakan satu daripada ciri utama rumus leksikal. Apabila asimilasi tidak berlaku, maka segmen /ŋ/ akan direalisasikan sebagai ŋ melalui rumus default.

Konsonan nasal  $\eta$  ini tidak boleh disukukatakan menjadi koda melalui rumus pembinaan koda kerana konsonan nasal tersebut tidak berhomorganik dengan konsonan obstruen berikutnya. Kekangan ini merupakan kekangan penyukuan bahasa Melayu yang mensyaratkan bahawa konsonan nasal yang menjadi koda suku kata mestilah berhomorganik dengan obstruen yang menjadi onset pada suku kata berikutnya. Apabila konsonan  $\eta$  tidak boleh disukukatakan, maka konsonan tersebut akan menjadi ekstrasilabik atau *stray*. Berdasarkan konvensi universal, satu cara untuk menangani masalah ini adalah dengan pelaksanaan rumus epentesis schwa. Rumus epentesis beroperasi dengan cara konsonan  $\eta$  yang bersifat *stray* dihubungkan dengan satu suku kata degenerat, iaitu suku kata yang tidak mempunyai nukleus. Nukleus V yang kosong itu kemudiannya diisikan dengan vokal schwa melalui rumus default yang bersifat khusus bahasa, dan akhirnya terhasil representasi fonetik ‘məŋəpəm’.

Dalam beberapa contoh tertentu, didapati ada juga kata-kata dasar yang konsonan obstruennya berasimilasi dengan segmen nasal /ŋ/. Yang nyata, apabila berlaku proses asimilasi, maka dengan sendirinya rumus epentesis schwa tidak lagi diperlukan. Ketidakterluan ini ada kaitannya dengan suku kata penyukuan. Pelaksanaan rumus asimilasi akan menghasilkan konsonan nasal yang homorganik. Dalam proses penyukuan, konsonan nasal tersebut boleh disukukatakan menjadi koda suku kata. Oleh sebab konsonan nasal tidak bersifat ekstrasilabik, maka tidak ada motivasi yang boleh mendorong pelaksanaan rumus epentesis.


Analisis autosegmental yang menggunakan template KV yang diutarakan oleh Zaharani (1996; 2000; 2006) berbeza dengan analisis Teoh (1986; 1989). Bagi Zaharani, gatra V yang mengandungi vokal epentesis schwa itu wujud hasil daripada pelaksanaan rumus fonologi sebagai akibat masalah kekangan penyukuan, manakala Teoh pula mendakwa bahawa gatra V itu adalah bentuk dasar yang telah sedia ada pada peringkat representasi dalaman lagi. Dengan menganggap bahawa gatra V wujud melalui rumus fonologi sebagai akibat kekangan penyukuan, kita dapat menelaah dengan tepat mengapa penggabungan awalan /məŋ/ dengan kata dasar ‘gam’ menghasilkan ‘menggām’ bukan ‘\*mengegam’. Proses yang dilaksanakan dapat dilihat melalui derivasi seterusnya:

a) Representasi dalaman

Tingkat Suku kata

Tingkat Skeletal / KV

Tingkat Melodi / fonem




## b) Rumus default

Tingkat Suku kata

Tingkat Skeletal / KV

Tingkat Melodi / fonem




## c) Representasi fonetik

Tingkat Suku kata

Tingkat Skeletal / KV

Tingkat Melodi / fonem



Dalam derivasi di atas, didapati konsonan nasal  $\eta$  yang dihasilkan melalui rumus default (bukan rumus asimilasi) tidak bersifat ekstrasilabik atau *stray*. Konsonan nasal ini berhomorganik dengan konsonan /g/ yang berikutnya, dan kerana itu dapat disukukatakan menjadi koda. Apabila proses penyukuan telah lengkap dan sempurna, maka dengan sendirinya rumus epentesis tidak diperlukan kerana dikhuatiri akan menghasilkan bentuk yang lewah. Gejala epentesis schwa dalam bahasa Melayu yang sebelum ini gagal ditangani dengan baik dan berpada, sama ada melalui analisis linear menggunakan teori standard dan juga analisis non-linear menggunakan teori template, dan Zaharani telah menyelesaikan gejala tersebut dengan baik dan berpada melalui analisis non-linear teori KV.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam bahagian ini akan dihuraikan beberapa aspek tentang metodologi kajian termasuklah; kawasan kajian, kaedah mengumpulan data, informan dan kerangka teori.

### a) Kawasan Kajian

Untuk mendapat dan mensahihkan data, kajian telah dilakukan di kampung Nasa iaitu salah sebuah kampung di Mukim Lubukjerai, Daerah Mayo, Wilayah Pattani. Kawasan ini dipilih kerana didapati kawasan ini memenuhi ciri sebuah kawasan yang sesuai dari sudut kajian dialek. Penulis memilih 3 orang penutur jati yang



terdiri daripada 2 orang lelaki dan seorang perempuan. Semua mereka adalah golongan dewasa yang berumur antara 45-55 tahun. Informan yang berumur telah dipilih bertujuan untuk memperoleh bentuk bahasa asal dan konservatif.

### **b) Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data ialah kaedah budaya benda dan kaedah senarai kata. Kaedah budaya benda ialah cara mendapatkan data dengan menghuraikan sesuatu benda dengan terperinci, sama ada dari segi saiz, ketinggian, warna, kegunaan, dan sebagainya. Kadang-kadang penulis menunjukkan benda kepada informan. Seperti bagi perkataan ‘gunting’ ‘lembu’, ‘pisang’, penulis menunjukkan benda itu kemudian menanyakan informan apakah panggilan untuk benda ini. Informan menyebutkan /gutinj/, /ləmu/, /pisE/ dan sebagainya. Penulis menanya lagi di manakah makcik pergi sekarang, iaitu pada waktu pagi dan petang. Informan menjawab /pagi gi lə gətəh pətə gi bəne/ iaitu ‘pagi pergi ke kebun getah petang pergi ke bendang’. Soalan ini dikemukakan bertujuan untuk mengetahui kata ‘bendang’ dalam DMP, iaitu /bəne/. Selain kaedah budaya benda, kaedah senarai kata juga digunakan untuk mendapatkan kata yang tepat dan cepat. Melalui kaedah ini satu senarai kata disediakan sebelum pengkaji berjumpa dengan informan. Pengkaji kemudian menanyakan bagaimanakah sebutan bagi kata ‘gambar’ dalam dialek Patani. Apabila informan menyebutkan kata-kata yang telah ditanya, pengkaji akan mencatat sebutan tersebut. Penulis akan menanya sehingga habis senarai kata yang telah disediakan.

### **c) Informan**

Untuk menjayakan sesebuah kajian bahasa, informan adalah penting dalam membantu menyelidik untuk mendapatkan data. Dalam kajian ini penulis memilih tiga orang informan berdasarkan kriteria berikut:

- a) Penutur jati DMP yang menetap di kampung Nasa,
- b) Umur dalam lingkungan 45-55 tahun,
  - Informan 1 (51 tahun)
  - Informan 2 (55 tahun)
  - Informan 3 (46 tahun)
- c) Sihat dan mempunyai organ pertuturan yang baik,
- d) Tidak pernah mendapat pendidikan formal.

Kriteria pemilihan informan di atas adalah bersesuaian dengan keperluan kajian.

### **d) Kerangka Teori**

Teori ini mula diperkenalkan oleh Goldsmith dalam tesis Ph.Dnya bertajuk *Autosegmental and Metrical Phonology* pada tahun 1976, dan ditambah baik dalam edisi baru 1990. TA merupakan satu anjakan dari fonologi generatif. TA terbahagi kepada tiga model iaitu model X, model KV dan model Mora. Goldsmith memperkenalkan teori non linear ini dalam menganalisis beberapa bahasa di Afrika. Model yang digunakan ialah model X dan model KV. Pada peringkat awal

penonjolannya, TA diaplikasikan untuk menangani fenomena yang berlaku hanya dalam aspek fonologi, seperti fenomena pemanjangan kompensatori, fenomena kontur tona, fenomena harmoni vokal, fenomena nasalisasi vokal dan lain-lain. Setelah ia berkembang, teori ini mula diaplikasikan kepada aspek morfologi, terutamanya untuk menangani masalah fenomena yang berhubung dengan morfologi pola.

## DAPATAN KAJIAN

Sebelum kita menganalisis dan membuat generalisasi umum tentang penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata dalam DMP, kita harus melihat dahulu fenomena penambahan konsonan nasal dalam dialek ini. Salah satu fenomena penambahan yang didapati ialah penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata dalam lingkungan tertentu.

### Penambahan Konsonan Nasal pada Posisi Akhir Kata

Fenomena penambahan nasal di akhir kata dalam dialek Patani dilaksanakan apabila didapati konsonan nasal yang berakhiran dengan vokal tinggi /i/ dan /u/, contohnya:

<u>Bahasa Melayu Baku</u>	<u>Dialek Melayu Patani</u>	<u>Makna</u>
/bərani/	/wanĩŋ/	berani
/rohani/ manusia	/rohanĩŋ/	nama
/bini/	/binĩŋ/	isteri
/mandi/	/mãĩŋ/	mandi
/ini/	/nĩŋ/	ini
/mu/	/mũŋ/	kamu
/ilmu/	/ilmũŋ/	ilmu
/mi/	/mĩŋ/	mee

Daripada data di atas, dapat digeneralisasi beberapa peraturan linguistik seperti berikut:

1. Kata-kata yang berakhiran dengan vokal tinggi /i/ dan /u/ akan mengalami penambahan /ŋ/ pada akhir kata.
2. Sebelum vokal tinggi kata-kata tersebut juga diikuti oleh konsonan nasal.

Contohnya kata ‘bini’ menjadi [binĩŋ], ‘mu’ menjadi [mũŋ]. Operasi ini dapat diformalisasikan seperti berikut:

1. /binĩ/ > [binĩŋ] 'isteri'

a) Representasi dalaman

Tingkat suku kata		$\sigma$		$\sigma$
Tingkat KV		K	V	K
Tingkat segmen		b	i	n i

b) Pemetaan prosodi

Tingkat suku kata		$\sigma$		$\sigma$
Tingkat KV		K	V	K
Tingkat segmen		b	i	n i

c) Nasalisasi vokal

Tingkat suku kata		$\sigma$		$\sigma$
Tingkat KV		K	V	K
Tingkat segmen		b	i	n ĩ

d) Rumus penyebaran fitur nasal ke segmen akhir kata

Tingkat suku kata		$\sigma$		$\sigma$
Tingkat KV		K	V	K
K[+nas]				
Tingkat segmen		b	i	n ĩ


## e) Rumus default

Tingkat suku kata

Tingkat KV

K[+nas]

Tingkat segmen




## f) Representasi permukaan tingkat suku kata

Tingkat KV

K[+nas]

Tingkat segmen



Representasi dalaman pada derivasi (a) terdiri daripada tingkat suku kata, tingkat KV, dan tingkat segmen. Representasi fonologi diwakili oleh tingkat segmen iaitu /bini/. Pada tingkat KV pula segmen K dan V diwakili oleh KVKVK. K pada akhir kata perlu diisi, kerana merupakan sepesifik dialek ini yang mempunyai segmen K pada akhir kata apabila berakhiran dengan vokal tinggi. Segmen K hanya mempunyai *template* pada tingkat suku kata, manakala pada tingkat segmen, K tidak mempunyai *template*. Tingkat suku kata diwakili oleh dua simbol kata ( $\sigma$ ).

Derivasi kedua (b) melibatkan proses pemetaan prosodi yang menghubungkan kesemua unit fonologi. Nukleus dibina dengan menghubungkan segmen V dengan rima suku kata. Konsonan yang berhubung di sebelah kiri dengan vokal akan menjadi onset. Proses penghubungan dilakukan dari kanan ke kiri mengikut acuan *template*. Proses penghubungan dimulakan pada tingkat segmen yang melibatkan gatra vokal dengan V dan gatra konsonan dengan K di tingkat KV. Kemudian tingkat KV dihubungkan dengan tingkat suku kata.


Derivasi ketiga (c) melibatkan nasalisasi vokal apabila vokal tersebut didahului oleh konsonan nasal. Penyebaran fitur nasal kepada vokal /i/ menjadikan vokal tersebut direalisasikan sebagai vokal nasal [ĩ]. Kejadian ini bukan hanya berlaku di dalam dialek Patani malah turut berlaku di dalam beberapa dialek Melayu (Zaharani, 1993:50). Proses nasalisasi vokal harus beroperasi sebelum rumus lain, kerana proses ini memerlukan bentuk yang asal dalam menasalisasikan vokal.

Derivasi keempat (d) rumus penyebaran nasal ke segmen akhir kata. Rumus ini berlaku apabila didapati kata-kata yang berakhiran dengan vokal nasal tinggi /i/. Penyebaran fitur nasal ke segmen akhir kata menjadikan segmen ini muncul sebagai nasal [ŋ]. Fenomena ini bersifat khusus dialek Patani dan Kelantan

yang mensyaratkan kata-kata yang berakhiran dengan vokal nasal depan tinggi akan ditambahkan dengan konsonan nasal /ŋ/ pada akhir kata.

Penyebaran ini mematuhi peraturan konvensi umum yang mensyaratkan segmen K dan V yang kosong mesti diisi agar bentuk fonetik dapat direalisasikan. Penambahan konsonan nasal /ŋ/ direalisasikan melalui rumus default (e). Proses ini dapat dijelaskan melalui rumus default seperti berikut:

**Rumus default**



Rumus di atas mengatakan bahawa sekiranya terdapat gatra K yang kosong maka gatra itu akan dimanifestasikan sebagai segmen nasal /ŋ/. Rumus default ini bersifat post-leksikal, iaitu hanya diaplikasikan selepas dan setelah semua rumus fonologi sempurna diaplikasikan. Mengikut Teoh (dalam Md. Suhada 2003:61), rumus default ini *ad hoc* sifatnya. Namun begitu, kenyataannya ialah rumus default memang wujud dalam bahasa dan pengaplikasiannya adalah *cost free* dalam tatabahasa sesuatu bahasa.

Derivasi (f) merupakan output yang dihasilkan. Penambahan nasal /ŋ/ berlaku pada posisi akhir kata, apabila didahului oleh konsonan nasal yang berakhiran dengan vokal nasal tinggi /i/ dan /u/. Maka, berlakulah penambahan konsonan nasal itu, dan didapati bentuk sebagai [bin̩ŋ] dalam representasi permukaan.


2. /mu/ > [mũŋ] 'kamu'

a) Representasi dalaman


Tingkat suku kata			σ
Tingkat KV	K	V	K
Tingkat segmen	m	u	

## b) Pemetaan prosodi

Tingkat suku kata



Tingkat KV




Tingkat segmen


m      ũ

## c) Nasalisasi vokal

Tingkat suku kata



Tingkat KV




Tingkat segmen


m      ã

## d) Rumus penyebaran fitur nasal ke segmen akhir kata

Tingkat suku kata



Tingkat KV




Tingkat segmen


m      ã

## e) Rumus default

Tingkat suku kata




Tingkat KV



Tingkat segmen

m      ã      ŋ

g) Representasi fonetik




Representasi dalam pada derivasi (a) terdiri daripada tingkat suku kata, tingkat KV, dan tingkat segmen. Representasi fonologi diwakili oleh tingkat segmen iaitu /mu/. Pada tingkat KV pula segmen K dan V diwakili oleh KVK. K pada akhir kata perlu diisi, kerana merupakan sepesifik dialek ini yang mempunyai segmen K pada akhir kata apabila berakhir dengan vokal tinggi. Segmen K hanya mempunyai *template* pada tingkat suku kata, manakala pada tingkat segmen K tidak mempunyai *template*. Tingkat suku kata diwakili oleh simbol kata ( $\sigma$ ).

Derivasi kedua (b) melibatkan proses pemetaan prosodi yang menghubungkan kesemua unit fonologi. Nukleus dibina dengan menghubungkan segmen V dengan rima suku kata. Konsonan yang berhubung di sebelah kiri dengan vokal akan menjadi onset. Proses penghubungan dilakukan dari kanan ke kiri mengikut acuan *template*. Proses penghubungan dimulakan pada tingkat segmen yang melibatkan gatra vokal dengan V dan gatra konsonan dengan K di tingkat KV. Kemudian tingkat KV dihubungkan dengan tingkat suku kata.

Derivasi ketiga (c) melibatkan nasalisasi vokal apabila vokal tersebut didahului oleh konsonan nasal. Penyebaran fitur nasal kepada vokal /u/ menjadikan vokal tersebut direalisasikan sebagai vokal nasal [ $\tilde{u}$ ].

Derivasi keempat (d) rumus penyebaran nasal ke segmen akhir kata. Rumus ini berlaku apabila didapati kata-kata yang berakhir dengan vokal nasal tinggi /u/. Fenomena ini bersifat khusus dialek Patani dan Kelantan yang mensyaratkan kata-kata yang berakhir dengan vokal nasal depan tinggi akan ditambahkan konsonan nasal / $\eta$ / pada akhir kata. Penyebaran fitur nasal ke segmen akhir kata menjadikan segmen ini muncul sebagai nasal [ $\eta$ ].

Penyebaran ini mematuhi peraturan konvensi umum yang mensyaratkan segmen K dan V yang kosong mesti diisi agar bentuk fonetik dapat direalisasikan. Penambahan konsonan nasal / $\eta$ / direalisasikan melalui rumus default (e). Proses ini dapat dijelaskan melalui rumus default seperti berikut:



Rumus di atas mengatakan bahawa sekiranya terdapat gatra K yang kosong maka gatra itu akan dimanifestasikan sebagai segmen nasal /ŋ/. Rumus default ini bersifat post-leksikal, iaitu hanya diaplikasikan selepas dan setelah semua rumus fonologi sempurna diaplikasikan. Mengikut Teoh (dalam Md. Suhada 2003:61), rumus default ini *ad hoc* sifatnya. Namun begitu, kenyataannya ialah rumus default memang wujud dalam bahasa dan pengaplikasiannya adalah *cost free* dalam tata bahasa sesuatu bahasa.

Derivasi (f) merupakan output yang dihasilkan. Penambahan nasal /ŋ/ berlaku pada posisi akhir kata, apabila didahului oleh konsonan nasal yang berakhiran dengan vokal nasal tinggi /u/. Maka, berlakulah penambahan konsonan nasal itu, dan didapati bentuk sebagai [mũŋ] dalam representasi permukaan.

Persoalan yang timbul dalam derivasi ini ialah kenapakah pada derivasi 1 dan 2 telah ditambahkan dengan konsonan nasal, sedangkan mengikut pengkaji-pengkaji sebelum ini menyatakan konsonan yang dapat wujud di akhir kata dalam dialek ini boleh terdiri daripada konsonan /h, ʔ, ŋ/. Maka dengan jelasnya dapat disimpulkan bahawa fenomena ini adalah terhasil daripada pengaruh konsonan nasal /n/ dengan vokal sengau /i/ dan pengaruh nasal /m/ dengan vokal nasal tinggi /ũ/. Fenomena inilah yang menyebabkan penambahan konsonan /ŋ/ berlaku. Sekiranya penambahan /h/ dan /ʔ/ berlaku, analisis ini tidak tepat kerana kata \*[binih] atau \*[biniʔ] dan \*[muh] atau \*[muʔ] tidak wujud dalam dialek ini.

Di sini juga dapat kita simpulkan bahawa penambahan konsonan /ŋ/ hanya berlaku pada kata-kata yang mempunyai konsonan nasal yang diikuti oleh vokal tinggi (i dan u) sahaja, bagi kata-kata yang tidak mempunyai konsonan nasal, tidak akan berlaku penambahan konsonan nasal /ŋ/ di akhir kata walaupun kata-kata tersebut berakhiran dengan vokal tinggi, seperti 'laki', 'tipu' tidak menjadi \*[lakiŋ] atau \*[tipuŋ].

Konsonan /ŋ/ pula dapat mengisi posisi itu disebabkan konsonan ini adalah satu-satunya nasal yang dapat hadir pada koda suku kata akhir, manakala nasal /n/ dan /m/ tidak dapat dihadirkan pada posisi akhir kata dalam dialek Patani. Dalam dialek Melayu Patani konsonan nasal /ŋ/ sangat memainkan peranan. Konsonan tersebut bukan hanya berperanan sebagai penambahan pada akhir kata malah juga berperanan sebagai penukaran konsonan, seperti 'bangun' akan menjadi [baŋũŋ], 'timun' menjadi 'timũŋ', iaitu berlaku perubahan bunyi /n/ menjadi /ŋ/ pada akhir kata.

## RUMUSAN

Persoalan penghilangan konsonan nasal obstruen homorganik dapat dianalisis dengan berpada melalui TA model KV. Analisis ini lebih berpada daripada yang dikemukakan oleh pengkaji sebelum ini, seperti Maneerat Chotikakamthon (1981). Walaupun beliau berpendapat bahawa dalam DMP wujud proses penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata, namun pemerian mereka adalah bersifat deskriptif, kerana mereka sekadar memaparkan data dan tidak dapat menjelaskan motivasi linguistik kenapa gejala ini terjadi dan bagaimana pula berlakunya proses penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata.



Melalui kajian ini, persoalan penambahan konsonan nasal pada posisi akhir kata dapat diuraikan dengan berpeda melalui TA model KV. Penambahan /ŋ/ ini berlaku apabila didapati segmen yang kosong pada tingkat segmen. Kekosongan ini diisi dengan konsonan nasal melalui rumus default. Kekosongan ini diisi dengan nasal kerana pengaruh vokal sebelumnya. Nasal /ŋ/ pula dipilih kerana dalam dialek ini hanya tiga konsonan [h, q, ŋ] yang dapat hadir pada posisi akhir kata. Antara ketiga-tiga tersebut /ŋ/ paling wajar wujud pada posisi tersebut. Kita dapat menyimpulkan bahawa gejala penambahan konsonan /ŋ/ hanya berlaku pada kata-kata yang mempunyai konsonan nasal yang diikuti oleh vokal tinggi (i dan u) sahaja.

## RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz & Zaharani Ahmad. 2006. Kelegapan fonologi dalam rima suku kata tertutup dialek Kelantan. *Jurnal Bahasa* 6 (1): 76-96.
- Goldsmith, J.A. 1976. *Autosegmental and metrical phonology*. Cambridge: Basil Blackwell, Inc.
- Goldsmith, J. A. 1990. *Autosegmental and metrical phonology*. Oxford: Basil Blackwell.
- Maneerat Chotikakamthorn. 1981. A comparative study of phonology in Satun Malay and Pattani Malay. Tesis sarjana. Mahidol University.
- Phaithoon Masminta Chaiyanara. 1983. Dialek Melayu Patani dan bahasa Melayu. Satu perbandingan dari segi fonologi, morfologi dan sintaksis. Tesis sarjana. Universiti Malaya.
- Teoh Boon Seong. 1986. Fonologi-Satu pendekatan Autosegmental. *Jurnal Dewan Bahasa*. 29(8):731-743.
- Teoh Boon Seong. 1989. Syarat koda suku kata dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. 33(11):843-850.
- Waemaji Paramal. 1991. Long consonants in Patani Malay: The result of word and phrase shortening. A Thesis Submitted in Partial Fulfillment of the Degree of Master of Arts. Mahidhol Universiti.
- Zaharani Ahmad. 1994. Epentesis schwa dalam bahasa Melayu : Suatu analisis fonologi non-linear. *Jurnal Dewan Bahasa*. 38(8): 676-689.
- Zaharani Ahmad. 1996. Teori optimaliti dan analisis deretan vokal bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. 40(6): 512-527.
- Zaharani Ahmad. 2000. Penggandaan separa bahasa Melayu: Suatu analisis autosegmental. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44(7): 722-736.
- Zaharani Ahmad (pnyt.). 2006. *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.